

2 JAN 1996

Mahathir - Pesara

CADANGAN UNTUK PESARA ISI KERJA YANG DIPEGANG ORANG ASING, KATA DR MAHATHIR

PELABUHAN KLANG, 2 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cadangan kerajaan untuk menggunakan semula khidmat pesara bertujuan mengisi pekerjaan yang kini dipegang oleh pendatang asing.

Perdana Menteri berkata cadangan itu bukanlah bertujuan hendak mewujudkan pekerjaan untuk mereka.

"Itu cara lain...bukan kita nak wujudkan kerja supaya mereka boleh dapat gaji tetapi kita nak cari dia untuk mengisi kekosongan yang sekarang ini diisi oleh orang asing," katanya ketika diminta menjelaskan amanat beliau dalam perutusan tahun barunya semalam.

Dalam perutusan itu, Dr Mahathir menyebut antara lain mengenai hasrat kerajaan menggunakan khidmat pesara dan surirumah kerana menjelang tahun 2000 negara ini dianggarkan mempunyai 2.3 juta orang pekerja asing.

Ekoran kenyataan itu terdapat cadangan supaya kerajaan menaikkan saja had umur bersara kakitangannya sekarang daripada mengambil mereka bekerja semula selepas bersara.

Dr Mahathir berkata cadangan itu berlainan langsung daripada apa yang beliau maksudkan.

"Tujuannya lain langsung...kadang-kadang kita tak menjelaskan betul-betul, itu salah kitalah," katanya.

Menurutnya kerajaan membuat keputusan dan menyerahkan kepada pihak lain untuk memberikan penjelasan mengenainya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melancarkan pelayaran terus pertama kapal kontena terbesar di dunia "OOCL California" merentasi Pasifik dari Pelabuhan Klang ke Pantai Barat Amerika Syarikat, Dr Mahathir berkata tujuan sebenar kenyataannya itu ialah untuk mengurangkan pendatang asing.

Beliau berkata bahawa menaikkan had umur bersara bermakna pesara itu akan terus bekerja ditempatnya dan tidak menggantikan orang asing.

"Tapi tujuan kita ialah supaya kita dapat mengurangkan pendatang asing. Jadi untuk mengurangkannya, dia (pesara) kenalah masuk ke dalam bidang yang mana sekarang ini pendatang asing mengisinya," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan tidak memerlukan khidmat pesara untuk terus bekerja dalam kerajaan kerana kalau seseorang itu bekerja terus sampai umur 60 tahun ini akan menghalang pula peluang kenaikan pangkat kakitangan lain.

"Cara itu juga hanya membesarkan bilangan pekerja dalam kerajaan sedangkan kita nak jaga saiz kerajaan," katanya.

Di KUALA LUMPUR, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob pula berkata kerajaan sedia mengkaji cadangan supaya wanita asing yang berkahwin dengan rakyat tempatan diserap sebagai tenaga kerja di negara ini sekiranya mereka mempunyai kelayakan.

Bagaimanapun, kerajaan tidak membenarkan lelaki asing yang berkahwin dengan rakyat tempatan untuk bekerja di negara ini kerana lazimnya si-isteri akan mengikuti suami, katanya kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan khas Jabatan Imigresen di sini, sebagai mengulas cadangan sedemikian ekoran kenyataan Perdana Menteri dalam perutusan Tahun Barunya itu.

" Kita tidak galakkan kemasukan pekerja asing. Sebab itu Perdana Menteri mahu menggunakan khidmat pesara yang berjumlah 11,600 setahun," kata Megat Junid.

Sementara itu, Dr Mahathir juga ditanya sama ada beliau sedia untuk berhubung terus dengan rakyat melalui mel elektronik (E-Mail) tanpa

halangan birokrasi dan protokol.

Perdana Menteri berkata mustahil bagi beliau untuk melayani pelbagai soalan dalam jumlah yang banyak.

"Boleh tu boleh...tapi kalau macam hari tu (pada pelancaran program Gerak Mesra di Angkasapuri) sampai 30,000 soalan, kenalah ada pegawai yang menapisnya...matilah saya nak tengok E-Mail sampai 30,000...", katanya.

Pada sesi dialog melalui E-Mail Internet sempena majlis itu pada 27 Dis, Perdana Menteri dilaporkan menerima pelbagai soalan daripada orang ramai yang menembusi Internet dalam tempoh antara 8.30 pagi dan 12 tengah hari. -- BERNAMA